

## KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	24/12/2019	MUKA SURAT	: 4
JABATAN	:	SPAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

# AWER gesa kerajaan lebih berani bertindak tegas

Elak kejadian pencemaran sumber, terputus bekalan air terus berulang

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
+ mohd\_iskandar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pihak berkuasa perlu mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang bertanggungjawab menyebabkan pencemaran air sehingga menjejaskan bekalan air dan mengancam keselamatan orang ramai.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piarapakaran, berkata Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) umpamanya memperuntukkan hukuman berat terhadap pesalah, namun sehingga kini tiada tindakan tegas dikenakan terhadap pihak yang terlibat dalam pencemaran air.

"Kita memiliki banyak akta berkaitan air antaranya adalah Akta 655 yang mana jika ada pencemaran air sehingga menyebabkan kematian, hukuman matinya ialah hukuman mati terhadap pesalah.

"Kerajaan perlu berani ambil tindakan terhadap pihak yang sengaja melakukan pencemaran ke atas sistem bekalan air negara. Ini perkara serius.

"Semestinya kita tidak mahu kejadian seperti insiden di Sungai Kim Kim, Johor berulang," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Seksyen 121(2)(a) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 memperuntukkan jika seseorang didapati bersalah menyebabkan kematian akibat perbuatan mencemar sistem bekalan air, ia boleh dihukum mati.

Seksyen itu juga memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun jika bukannya mati, dan pesalah boleh dikenakan sebatan.

Seksyen 121(2)(b) pula memperuntukkan jika perbuatan melakukan pencemaran sistem bekalan air tidak mengakibatkan kematian tetapi bahan yang digunakan untuk pencemaran adalah radioaktif atau toksik, individu tersebut boleh dipenjara tidak melebihi 10 tahun atau denda tidak lebih RM500,000 atau sebatan atau ketiga-tiganya.



**S Piarapakaran**

Dalam insiden pencemaran terbaru Sabtu lalu, bekalan air di empat daerah di Selangor terjejas berikutan masalah pencemaran bau di Sungai Semenyih.

Lokasi yang terjejas ialah di sekitar Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Semenyih.

Insiden itu menyebabkan LRA Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi terpaksa dihenti tugas sepenuhnya dan memberi kesan kepada 336,930 akaun atau kira-kira 1.5 juta pengguna.